




**Kawasan tadahan air bukit** yang menjadi keperluan penduduk Orang Asli di Kuala Koh, Gua Musang tercemar berikutan aktiviti perlombongan bijih besi.

Berita HARIAN 9/06/2019

# 13 Orang Asli meninggal akibat tibi, pneumonia

## INFO BATUK KERING

- Jangkitan kuman Tuberkulosis tibi berlaku apabila seseorang tersedut udara mengandungi kuman tibi apabila seseorang pesakit batuk atau bersin dan menghembus keluar titisan air yang mengandungi kuman tibi.
- Ejen penyakit tibi dan cara jangkitan Penyakit tibi disebabkan bakteria *Mycobacterium tuberculosis*.
- Masa pengeraman selepas pendedahan kepada kuman tibi sehingga menunjukkan tanda dan gejala penyakit tibi adalah dari Dua minggu sehingga 10 minggu.
- TB adalah penyakit berjangkit bawaan udara yang boleh diubati tetapi jangkitan boleh berulang sekiranya pesakit tidak mematuhi rejim rawatan dan menyebabkan rintangan kuman tibi terhadap pelbagai ubat tibi akibat ketidakpatuhan rawatan.
- Penyakit tibi boleh menyebabkan kematian apabila pesakit tidak mengambil perhatian serius untuk merawat dan mematuhi



### TANDA DAN GEJALA

- » Batuk melebihi 2 minggu
- » Demam
- » Kahak berdarah
- » Sakit dada apabila batuk atau tarik nafas panjang
- » Berpeluh waktu malam
- » Cepat letih atau lemah badan
- » Hilang selera makan

# → Kematian berlaku sejak Mei berpunca guna air tadahan tercemar

Oleh Ramli Ibrahim  
bhnews@bh.com.my

★ Gua Musang

**P**enyakit tibi dan jangkitan kuman pada paru-paru, dipercayai menjadi punca kematian 13 Orang Asli suku kaum Batek di Kuala Koh di sini dalam tempoh sebulan lalu.

Ketua Polis Daerah Gua Musang, Superintendan Taufik Maidin, berkata 13 kematian itu dilaporkan berlaku sejak Mei lalu hingga Khamis lalu.

Beliatu berkata, dalam kes terbaru, pihak polis menerima dua laporan kematian daripada ma-

syarakat Orang Asli berkenan membabitkan jangkitan kuman di paru-paru atau pneumonia.

“Seorang lelaki berusia 30 tahun meninggal dunia pada 29 Mei lalu, manakala seorang wanita berusia 21 tahun meninggal dunia jam 4 petang kelmarin disebabkan jangkitan kuman di paru-paru yang menyebabkan batuk teruk.

“Hasil bedah siasat di Hospital Gua Musang mendapati mereka meninggal dunia kerana batuk teruk.

## 31 orang terima rawatan

“Siasatan juga mendapati ramai lagi penduduk yang menghidap penyakit yang sama (jangkitan kuman di paru-paru) dan dipercayai tibi termasuk 31 orang yang sedang menerima rawatan,” katanya ketika dihubungi semalam.

Taufik berkata, 13 daripada mereka menerima rawatan di Hospital Gua Musang (HGM) dan dua daripadanya yang kritikal dihantar ke Hospital Kuala Krai (HKK).

Katanya, mereka yang lain menerima rawatan di Klinik Kesiha-

tan Aring 1 dan Klinik Kesihatan Chiku 3 sebagai pesakit luar.

Sementara itu, Guru Agama Islam Orang Asli yang bertugas di penempatan suku kaum terbabit, Mohd Fadzli Mahmok, berkata mereka diserang penyakit itu sejak awal Ramadan lalu dan kini semakin bertambah.

Beliiau berkata, penduduk terbabit diserang batuk sehingga badan menjadi kurus kering, dipercayai selepas menggunakan air tadahan bukit yang kotor akibat pencemaran.

“Mereka diserang penyakit itu sebulan lalu, namun tidak mendapatkan rawatan awal kerana tidak ada kenderaan pacuan empat roda untuk ke klinik.

“Saya sempat menguruskan pengebumian jenazah dua penduduk Orang Asli beragama Islam yang meninggal dunia di penempatan ini,” katanya.

Katanya, beliau bukan saja menguruskan pengebumian penduduk yang meninggal dunia tetapi turut berusaha menghantar mereka untuk mendapatkan rawatan di HGM.

tempoh rawatan tibi yang ditetapkan.

## INFO PNEUMONIA

- Jangkitan kuman dalam paru-paru yang menyebabkan kantung udara (alveoli) dipenuhi cecair menyebabkan pesakit menderita sukar bernafas, bakteria akan memasuki aliran darah dan merebak ke seluruh badan dan menyebabkan organ gagal berfungsi.
- Pneumonia bermula apabila kuman masuk ke dalam paru-paru ketika bernafas.
- Lebih cenderung dialami selepas seseorang mengalami demam dan selesema.
- Boleh menyebabkan penyakit kronik dalam jangka masa panjang seperti asma, jantung, barah atau diabetes.

» Turun berat badan

## TANDA DAN GEJALA

- » Batuk
- » Demam
- » Bernafas termengah-mengah
- » Menggigil
- » Sakit dada yang semakin sakit apabila batuk atau ketika menarik nafas
- » Denyut jantung laju
- » Berasa letih atau sangat lemah
- » Cirit-birit